

GS/MY/032/DIS25

12 Disember 2025

Tuan Haji Mohd Azraai bin Md Aznan
Pengarah
Bahagian Khidmat Perunding
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 5, Perbendaharaan 2
No 7, Persiaran Perdana
Presint 2, Putrajaya.

YBhg. Tuan Haji Mohd Azraai bin Md Aznan,

PER: PERALIHAN PERKHIDMATAN MASWINGS KEPADA AIR BORNEO

Susulan pemindahan hak milik MASwings dari Malaysia Aviation Group (MAG) kepada Kerajaan Negeri Sarawak, kami ingin memaklumkan bahawa bermula **1 Januari 2026**, semua penerbangan MASwings akan dikendalikan oleh **Air Borneo**.

Perkara-perkara di bawah untuk perhatian pihak jabatan Kerajaan.

1. Latar Belakang

- a) Pada 12 Februari 2025, Kerajaan Sarawak memuktamadkan pemindahan hak milik MASwings Sdn Bhd daripada Malaysia Aviation Group (MAG). Syarikat penerbangan baharu ini dinamakan semula sebagai **Air Borneo (AB)**.
- b) AB akan beroperasi secara rasmi pada **1 Januari 2026** dengan kod syarikat penerbangan **MY**.
- c) AB akan mula menjual tiket melalui laman web Air Borneo pada **10 Disember 2025** untuk perjalanan bermula **14 Januari 2026**
- d) Nombor penerbangan MASwings **MH3000 – MH3999** akan ditukarkan kepada penerbangan Air Borneo dengan nombor penerbangan **MY3000 – MY3999** bagi sektor yang sama
- e) Air Borneo menggunakan kod pesawat **MY** dengan nombor tiket bermula dengan **819**

2. Migrasi Tiket

- a) Tiket Waran Kerajaan dan ejen pelancongan yang dikeluarkan pada/sebelum 9 Disember 2025 untuk perjalanan pada/selepas 14 Januari 2026 **akan dimigrasikan** ke AB.
- b) Sekiranya tiket telah dimigrasikan ke Air Borneo dan penumpang tidak mahu meneruskan perjalanan, boleh memohon 'refund' mengikut syarat tambang asal.

3. Program Enrich

- a) Manfaat Enrich tidak akan digunakan dengan penerbangan Air Borneo
- b) Tiket penebusan Enrich dengan penerbangan MASwings yang dikeluarkan pada/sebelum 9 Disember 2025 bagi perjalanan pada/selepas 14 Januari 2026 tidak akan dimigrasikan dan tempahan akan dibatal

4. Bagasi

- a) Polisi bagasi Air Borneo mungkin berbeza, namun tiket yang dimigrasi akan kekal dengan elaun asal MASwings

5. Harga

- a) Air Borneo mempunyai struktur harga sendiri

6. Perubahan Tempahan & Penerbangan

- a) MASwings masih boleh ditempah untuk perjalanan sehingga 13 Januari 2026
- b) Sekiranya tiket tarikh asal adalah pada/selepas 14 Januari 2026 dan telah dimigrasi kepada Air Borneo, dan penumpang ingin menukarkan semula tarikh perjalanan kepada tarikh sebelum 14 Januari 2026; penumpang perlu membeli tiket baru dengan MASwings dan tiket yang telah dimigrasi boleh memohon 'refund' dengan Air Borneo
- c) Sekiranya tiket telah dimigrasi ke Air Borneo dan penumpang ingin menukarkan tarikh perjalanan ke tarikh selepas 14 Januari 2026, perlu rujuk terus ke Air Borneo untuk penukaran ini

7. Refund / Pemulangan Wang

- a) Tiket yang telah dimigrasi perlu rujuk kepada Air Borneo
- b) Tiket MASwings yang sudah luput tarikh perjalanan boleh dipohon refund melalui MH mengikut syarat tambang

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau penjelasan, sila hubungi melalui e-mel kepada kami di mygomsales@malaysiaairlines.com

Kami amat menghargai kerjasama berterusan anda dan berharap dapat terus memacu pertumbuhan serta kejayaan bersama.

Yang Benar,



NUR HAYATI AZIZ RASHID

Ketua Jualan Komersial Sabah, Sarawak dan Kerajaan Malaysia